

250 warga Bangladesh tertipu

SH 27.06.2008 Mx 313

Sebelum datang ke Malaysia kami ditabur dengan pelbagai janji manis ejen berkenaan tetapi apabila sampai di sini, kontrak telah diubah dan gaji yang ingin diberikan juga jauh lebih murah dari yang dijanjikan.



Mereka terpaksa tinggal di bawah lebuh raya dalam keadaan daif ekoran ditipu ejen pekerja asing.

■ ASMALIZA MANSOR

JALAN DAMAI - Ekoran ditipu ejen pekerja asing dan tidak dibayar gaji oleh majikan masing-masing, seramai 250 orang warga Bangladesh terpaksa merempat di bawah lebuh raya di Jalan Ampang dalam keadaan daif.

Salah seorang daripada warga Bangladesh terbabit, Shafiqul Islam, 25, berkata sebelum datang ke Malaysia, ejen berkenaan menjanjikannya pekerjaan sebagai buruh binaan tetapi sebaliknya, beliau dipaksa be-

kerja di sebuah ladang di Negeri Sembilan.

"Saya tiada pilihan, terpaksa menerima pekerjaan itu dan bekerja selama enam bulan tetapi majikan kami tidak membayar gaji pula.

"Sebelum datang ke Malaysia kami ditabur dengan pelbagai janji manis ejen berkenaan tetapi apabila sampai di sini, kontrak telah diubah dan gaji yang ingin diberikan juga jauh lebih murah dari yang di-

janjikan," katanya kepada **Sinar Harian** ketika ditemui dekat sini, kelmarin.

Tambahnya, majikan bukan hanya tidak membayar gaji malah ada sebahagian daripada mereka yang dipukul, justeru me-

reka datang ke kedutaan untuk mengadu dan mendapatkan pembelaan.

"Dulu ada lebih 600 orang yang tinggal di sini, sekarang hanya tinggal 250 orang. Kami tidak mempunyai wang dan tempat tinggal, jadi kami terpaksa tinggal di bawah lebuh raya walaupun tiada bekalan air dan tahap keselamatan kami tidak terjamin," ujarinya.

Menurutnya lagi, ekoran tiada wang untuk membeli makanan, mereka meminta belas ihsan rakan-rakan yang mempunyai pekerjaan untuk meminjam wang dan mendapatkan bekalan air bersih daripada pejabat kedutaan.

Sementara itu Harun Or Roshid, 28, berkata, beliau juga rasa tertipu dan teraniaya apabila tidak dibayar gaji dan hanya ditanggung makan serta minum oleh majikan.

"Kedutaan Bangladesh berjanji untuk menyalut perkara itu dan sehingga kini kami masih menunggu nasib kami dibela.

"Kami berharap agar ada pihak yang berwajib dapat membantu kami dengan mendapatkan semula pasport kami yang masih dipegang oleh majikan supaya kami dapat cari kerja lain atau pulang semula ke negara kami," katanya.

Bagi Jakaria Dawan, 45, pula mendakwa mereka terdedah dengan bahaya dan sering disamun manakala telefon bimbit mereka dikebas oleh segelintir pihak yang tidak berperikemanusiaan.

Tambahnya, untuk datang ke Malaysia, mereka terpaksa menjual tanah, barang kemas, rumah dan sebagainya untuk mengumpulkan wang sebanyak RM10,000 sehingga RM18,000 untuk dibayar kepada ejen.

"Kami sedih, kecewa dan hampa kerana ditipu sedangkan keluarga kami di kampung menunggu wang perbelanjaan daripada kami di sini tanpa mengetahui nasib yang menimpa kami," ujarinya yang juga berharap ada pihak tampil membantu.